

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ

ترا فی کجیوا عن TERAPI KEJIWAAN

TAJUK:

Covid-19 : Qada' & Qadar Ketentuan Allah



كَمْنَاتُرَبَّنْ حَالَ اَحَدَالْ حَلَّ كَامْ

KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM





“... Namun dalam keadaan apa pun yang Allah Ta’ala takdirkan seterusnya kita akan tetap teguh beriman dan kukuh bertaqwa. Sebab kita yakin sesungguhnya Allah Ta’ala telah mensyaratkan kepada penduduk sesebuah negeri bahawa mereka hendaklah teguh beriman dan kukuh bertaqwa supaya mereka dan negeri mereka mendapat limpah rahmat Allah berupa al-barakaat daripada berbagai sumber. Rahmat yang dijanjikan Allah itu termasuklah khasnya dalam bentuk kemakmuran serta keamanan, kebahagiaan serta kesejahteraan sebagaimana mafhum firman-Nya ayat 96 Surah al-A’raaf: (لَوْ أَنَّ أَهْلَ الْقُرْبَىٰ آمُوا وَاتَّقُوا لَفَتَحْنَا عَلَيْهِمْ بَرَكَاتٍ مِّنَ السَّمَاءِ وَالْأَرْضِ). Mafhumnya: “Dan kalaularah penduduk sesebuah negeri itu beriman dan bertaqwa tentulah Kami akan melimpahkan kepada mereka berkat dari langit dan bumi...”

(Kata-kata aluan Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, Menteri Hal Ehwal Ugama sempena Majlis Sambutan Awal Tahun 1440 Hijrah, Peringkat Negara pada Hari Isnin Malam Selasa, 1 Muharram 1440h bersamaan 10 September 2018M)

Covid-19 : Qada' & Qadar Ketentuan Allah

Beriman Dengan Qada' & Qadar

Menurut Ahli Sunnah wal Jama'ah, setiap orang Islam adalah dituntut untuk beriman dengan Qada' & Qadar yang merupakan salah satu dari rukun Iman. Ini antaranya merangkumi perkara-perkara berikut:

- Mempercayai dan meyakini apa yang telah ditetapkan oleh Allah Ta'alā kepada makhluk ciptaanNya, sejak azali lagi pasti akan berlaku dan tiada sesiapa yang mampu menolaknya.
- Berlakunya sesuatu itu adalah bertepatan dengan ilmu Allah dan kehendakNya.
- Selaku hamba, kita menyerah diri pada kekuasaanNya atas apa saja yang berlaku dan beriman sepenuhnya serta meyakiniNya dengan sebenar-benarnya.

Ayat Al-Quran

Allah Subhanahu wa Taala berfirman di dalam Surah At-Taubah ayat 51:

فَلَمْ يُؤْمِنُ بِهَا إِلَّا مَا كَتَبَ اللَّهُ لَكُمْ هُوَ مُؤْمِنُنَا وَعَلَى اللَّهِ فَلَيَسْتَوْكِلُ الْمُؤْمِنُونَ

Tafsirnya: Katakanlah (wahai Nabi Muhammad kepada orang-orang munafiq itu): "Sesuatu pun sekalkali tidak akan menimpa kami melainkan apa yang Allah telah tetapkan bagi kami. Dialah Pelindung kami. Dan (dengan kepercayaan itu) maka kepada Allah sahajalah hendaknya orang-orang beriman bertawakal."

Hadith Rasulullah ﷺ

Dari Umar ibn Al-Khatthab, pada suatu hari Rasulullah ﷺ didatangi oleh Malaikat Jibril. Malaikat Jibril bertanya, "Beritahukanlah kepadaku apa itu iman." Rasulullah bersabda yang bermaksud:

"Iman itu artinya engkau beriman kepada Allah, para malaikat-malaikat Nya, kitab-kitab-Nya, Rasul-rasul-Nya, hari akhir, dan kamu beriman kepada takdir yang baik maupun yang buruk." (Hadith Riwayat Muslim).

Hukum Beriman dengan Qada' & Qadar

Adalah wajib keatas setiap orang Islam beriman dengan Qada' dan Qadar. Malah tidak akan sempurna iman seseorang tanpa mengimaniNya. Menurut ulama, beriman dengan Qada' dan Qadar mencakupi empat tahap berikut:

- Pertama: Meyakini bahwa Allah Ta'alā Maha Mengetahui setiap sesuatu sebelumnya terjadi.
- Kedua: Meyakini bahwa semuanya yang berlaku telah tertulis di Lauh Mahfuzh.
- Ketiga: Meyakini bahwa terjadinya sesuatu merupakan atas kehendak Allah Subhanahu wa Ta'alā juga.
- Keempat: Menyakini bahwa semuanya adalah makhluk ciptaan Allah Ta'alā yang tiada Maha Pencipta selainNya.

Perspektif Beriman Kepada Qada & Qadar

Dalam kehidupan sehari-hari pula, adalah perlu untuk mengambil berat untuk meneguhkan keimanan kepada Allah, redha atas Qada' dan Qadar yang ditentukan, besyukur atas segala nikmatNya dan bersabar atas ujianNya, seiring dengan firman Allah:

وَلَوْ أَعْظَمْ رِضْوَانَهُ مَا تَاهُنَّمْ أَنَّهُ وَرَسُولُهُ وَقَاتِلُهُ
خَشِبَنَا اللَّهُمَّ إِنَّمَا آتَنَا أَنَّهُ مِنْ فَضْلِكِ وَرَسُولُكِ
إِنَّمَا إِلَيْكَ الْمُرْجَحُ

Tafsirnya: Dan kalau mereka benar-benar redha dengan apa dikurniakan oleh Allah dan RasulNya kepada mereka dan berkata: "Cukuplah Allah bagi kami, Allah akan mengurniakan kepada kami daripada limpahan kurniannya dan (demikian juga) RasulNya. Sesungguhnya kami ialah orang-orang yang berharap kepada Allah." (Tentulah yang demikian itu lebih baik mereka). (At-Taubah 59)

Hikmah Beriman Kepada Qada & Qadar

Disebalik keimanan kita kepada Qada' dan Qadar itu, ada banyak hikmah yang tersembunyi yang boleh kita renungkan iaitu:

- Jiwa kita menjadi lebih tenang.
- Istiqamah dalam landasan yang betul sama ada di kala senang maupun susah.
- Memupuk akhlak terpuji dan sifat-sifat positif di sanubari orang beriman.
- Memahami syariat Islam dengan kefahaman yang betul.
- Memenuhi hati orang beriman dengan jiwa yang suci, yang meyakini keagungan Allah.
- Merasa cukup, tenang dan hanya berharap kepada rahmat Allah.
- Redha dengan ketentuan Allah.
- Membuatkan kehidupan harian individu mukmin sentiasa ingat akan kebesaran Allah.

Allah Mentakdirkan Setiap Penyakit Ada Ubatnya

Setiap penyakit secara umumnya telah ditakdirkan pasti ada ubatnya, dalam apa jua bentukpun, sama ada ia bersifat mencegah atau mengubati. Ini termasuklah wabak Covid-19 dengan kepelbagaiannya itu pasti ada ubatnya sama ada yang sudah ditemukan ataupun belum. Ini dapat direnungi melalui hadith dari Usamah bin Suraik, bahwasanya Nabi ﷺ bersabda, yang bermaksud:

"Aku pernah berada di samping Rasulullah ﷺ, lalu datanglah serombongan Arab Badawi. Mereka bertanya, 'Wahai Rasulullah, bolehkah kami berubat?' Jawab Baginda, 'Ya, wahai para hamba Allah, berubatlah, sebab Allah tidaklah meletakkan sesuatu penyakit melainkan meletakkan pulu ubatnya, kecuali satu penyakit.' Mereka bertanya, 'Penyakit apa itu?' Beliau menjawab, 'Penyakit tua.' " (Hadith Riwayat Ahmad).

Sebab Musabab Tidak Menafikan Qada' & Qadar

Dari Abu Hurairah meriwayatkan bahwa Rasulullah ﷺ bersabda yang bermaksud: "Yang sakit itu janganlah mendatangi yang sihat." (Hadis riwayat Bukhari dan Muslim).

Di antara ajaran Rasulullah ﷺ apabila berhadapan dengan masalah penyakit berjangkit adalah melakukan pencegahan. Maka oleh itu, tanpa menafikan Qada' dan Qadarnya Allah, adalah menjadi tanggungjawab agama bagi setiap individu dan masyarakat untuk mengambil langkah-langkah pencegahan dan mengelakkan diri dari kemudarat dan penyakit. Ini termasuklah mematuhi saranan semasa antaranya mengelakkan tempat-tempat himpunan awam termasuk masjid dan pasar-pasar, agar kita dan orang-orang lain dapat mengelak daripada dijangkiti ataupun menjingkiti.

Covid-19 : Qada' & Qadar Ketentuan Allah

Sebagai hamba Allah, kita tidak dapat lari dari apa jua ketentuan Allah Taala sama ada berupa kebaikan, kesenangan, keburukan ataupun kesusahan. Semua ini harus kita imani dengan teguh dan sabar serta dengannya kita mengharapkan hikmah, kebaikan dan ganjaran dari Allah Taala juga. Dalam masa yang sama, kita juga tidak menafikan usaha yang diiringi tawakal dan dilaksanakan mengikut kemampuan dan pengetahuan kita yang ada, selagi mana ia dibenarkan di dalam syariat Islam.

Tidak dapat dinafikan juga, ujian pandemik Covid-19 ini adalah amat berat, dan ianya dirasakan oleh segenap lapisan masyarakat sama ada kaya, miskin, muda atau tua. Maka di dalam ujian ini, siapa yang kembali kepada Allah juga maka mereka lah sebaik-baik hamba yang beriman. Allah Subhanahu wa Taala berfirman dalam Surah An-Nahl ayat 53:

وَمَا يُكْمِنُ مِنْ نِعْمَةٍ فَمِنَ اللَّهِ شَاءَ إِذَا مَسْكُمُ الظُّرُفُرَ فَإِلَيْهِ يَتَحَمَّلُونَ

Tafsirnya: “Dan segala ni’mat yang ada pada kamu, ia adalah daripada Allah, kemudian apabila kamu ditimpa kemudharatan maka kepadaNyalah kamu meminta pertolongan.”

Rasulullah ﷺ juga bersabda, yang bermaksud: "...Sekiranya engkau ditimpa sesuatu musibah, maka jangan engkau berkata: "Sekiranya (kalau) aku lakukan begini maka sudah pasti lain yang berlaku." Tetapi katakanlah: "Itu merupakan takdir Allah dan Dia melakukan apa yang dikehendakiNya, sesungguhnya 'kalau' akan membukakan pintu amalan syaitan." (Hadis riwayat Muslim)

Rasulullah ﷺ juga bersabda, yang bermaksud: "Tidak ada sesuatu yang menimpa seseorang Islam sama ada kepenatan, kesakitan, kesusahan memikirkan perkara yang akan datang, kedukaan, sesuatu yang menyakiti, atau kesusahan mengingatkan apa yang telah berlaku - sehinggaikan tikaman duri yang mencucuknya - melainkan Allah hapuskan dengan sebabnya, sebahagian dari dosa-dosanya." (Hadis Riwayat Bukhari)

Dengan itu, mudah-mudahan Allah Ta’ala akan terus menerus menganugerahkan kepada kita semua keampunan, kesihatan, ke’afiatan, rezeki yang halal dan banyak, umur yang penuh keberkatan dan keselamatan di dunia dan akhirat. Ameen ya Rabbal ‘Alamin.

والله ولي التوفيق